

Ibrah

Oleh ABDULLAH BUKHAR'
ABDUL RAHIM AL-HAFI'

Pensyarah di Jabatan Tilawah
al-Quran, Pusat Bahasa, UIAM dan
Timbalan Presiden Murshid.

HAMPIR dua minggu tragedi serangan kejam di dua masjid di Christchurch, New Zealand berlalu, dunia terutama umat Islam masih menangi pemergian saudara seagama yang ditembak kejam ketika ingin menunaikan solat Jumaat.

Namun, percayalah aturan Allah SWT untuk orang beriman sangat indah. Semua gerak kerja Allah penuh hikmah dan kita semua sudah menyaksikan sebahagian hikmahnya apa yang berlaku di New Zealand.

Benar firman Allah ertinya: *"Kamu diwajibkan berperang (untuk menentang pencerobohan) sedang peperangan itu ialah perkara yang kamu benci; dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah Yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya."* (al-Baqarah: 217).

Ketika mengikuti perkembangan gugurnya 49 Muslim dalam serangan Masjid di Christchurch, terlintas dalam fikiran penulis kisah ajaib seorang pemuda yang direkodkan satu hadis.

Ia diceritakan Rasulullah ketika menghuraikan kisah parit api yang menelan korban ribuan orang beriman di tangan seorang raja zalim.

Firman Allah ertinya: *"Celakalah kaum yang menggali parit, (iaitu parit) api yang penuh dengan bahan bakar. (Mereka dilaknat) ketika duduk di sekelilingnya, sambil melihat apa yang mereka lakukan kepada orang beriman (yang dibakar hidup-hidup). Dan mereka (raja dan konco-konconya) menyiksa orang beriman itu hanya kerana mereka beriman kepada Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Terpuji."* (al-Buruj: 4-8).

Kisah ayat ini berlaku sebelum Rasulullah dibangkitkan. Si raja yang kejam memilih pemuda bijaksana untuk mewarisi ilmu sihir milik tukang sihir kesayangannya. Pemuda itu pula dalam diam bertemu seorang rahib Nasrani dan mendalami dua bidang ilmu iaitu ilmu sihir si tukang sihir serta ilmu tauhid bawaan si rahib.

Dalam satu peristiwa, laluan penduduk sebuah tempat terhalang oleh seekor haiwan buas. Si pemuda lantas menguji keyakinannya dengan berdoa: *"Ya Allah! Jika ilmu si rahib lebih benar berbanding ilmu si tukang sihir, maka bunuhlah*



PERDANA Menteri New Zealand, Jacinda Ardern (kanan) dilihat memakai tudung ketika menghadiri majlis penghormatan kepada mangsa korban.



KUMPULAN motosikal berkuasa tinggi New Zealand turut berikrar mengawal keselamatan Muslim di negara itu. - AGENSI

Tragedi Christchurch kisah 'parit api' moden

haiwan buas ini dengan lontaran batu ini."

KARAMAH WALI ALLAH

Si pemuda itu dikurniakan karamah seorang wali! Akibat lontarannya haiwan itu mati serta merta dan aksi si pemuda disaksikan ramai orang. Selepas peristiwa itu, dia menjadi tumpuan orang ramai untuk mengubati pelbagai penyakit.

Rawatannya sangat mujarab, banyak sakit kronik sembuh dengan doanya. Dalam rawatan itulah si pemuda mula menyebarkan ajaran tauhid. Dijelaskan kepada pesakit bahawa hanya Allah Tuhan Yang Esa yang memberi penyembuhan.

Pengikut agama tauhid

pun bertambah saban hari. Akidah dan kegiatan si pemuda akhirnya diketahui raja.

Amarah raja mencanak naik kerana pemuda harapannya sudah menukar agama, lantas si pemuda cuba dibunuhnya sebanyak dua kali dengan cubaan melemaskannya di laut dan menolaknya di gaung tinggi, tetapi tetap gagal kerana si pemuda dilindungi Allah.

Pemuda itu memberitahu raja, dia hanya mampu dibunuh jika raja memenuhi DUA syarat iaitu mengumpulkan seluruh rakyat jelata pada hari hukuman dan raja mesti memanahnya dengan iringan nama Allah.

Tanpa lengah, si raja yang gelojoh dan hauskan darah terus bertindak: "Dengan nama Allah, Tuhan budak ini!" Akhirnya pemuda itu mati!

Tambah menakjubkan, matinya menjadi sebab hidayah ribuan rakyat jelata negara itu. (Sahih Muslim dan Musnad Ahmad).

Cubaan si raja untuk menutup agama Allah terhalang kerana kuasa Allah dan kebijaksanaan pemuda itu. Benarlah firman Allah ertinya: *"Mereka hendak memadamkan cahaya Allah (agama Islam) dengan mulut mereka (usaha berterusan mempropagandakan keburukan Islam), sedang Allah tidak menghendaki melainkan menyempurnakan cahaya-Nya, sekalipun orang kafir tidak suka (akan yang demikian),"* (al-Taubah: 32).

PANCARAN AJAIB

Apa yang penulis perhatikan tragedi Christchurch adalah

umpama 'pancaran ajaib' cahaya hidayah yang dilimpahkan Allah kepada seluruh umat manusia terutama di negara itu.

Siapa sangka bencana Islamophobia yang sudah sekian lama meracun pemikiran bukan Islam dibenam Allah dengan peristiwa itu. Hebat sungguh kuasa Allah.

Jika tragedi ini tidak berlaku, mana mungkin ribuan rakyat New Zealand termasuk Perdana Menteri sanggup duduk mendengar laungan azan, menghayati lantunan khutbah dan menyaksikan solat Jumaat dengan santun dan hormat? Malah, laporan tidak rasmi juga menyatakan ramai memeluk Islam selepas peristiwa itu.

Selain itu, tragedi ini juga memberi peluang kepada ahli keluarga yang tinggal menunjukkan keindahan akhlak Islam yang sejati. Pendek kata, yang pergi ada jasanya dan yang tinggal pun sangat tinggi jasanya.

Benarlah sabda Rasulullah maksudnya: *"Menakutkan sekali urusan orang beriman. Semua urusannya membawa kepada kebaikan dan ia tidak akan berlaku kecuali kepada orang beriman sahaja. Sekiranya dia beroleh kesenangan dia akan bersyukur, dan syukur itu baik untuk dirinya. Sekiranya dia beroleh kesusahan dia akan sabar, dan sabar itu juga baik untuk dirinya,"* - Sahih Muslim

Soalnya, apa pula sumbangan kita lakukan untuk menjadi sebab hidayah orang lain? Jangan pula buruknya akhlak dengan pelbagai aktiviti tidak senonoh menjadi sebab hidayah di negara ini tersasar jauh daripada mencucuri orang yang belum Islam.

Ya Allah! Islamkan penduduk New Zealand dan jangan kikis penghayatan Islam Muslim Malaysia.



PENDUDUK New Zealand tanpa mengira agama menzahirkan solidariti berikutan serangan umat Islam di Christchurch. - AGENSI